

PENGGUNAAN ICT DALAM PENGAJARAN/PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU: HALA TUJU GURU PELATIH BAHASA MELAYU

Ambigapathy Pandian

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia

Abstrak: Penggunaan komputer semakin penting dalam menjana dan memperkembangkan idea dan kreativiti para pendidik dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran guru dalam mengadaptasikan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sebagai alat bantu mengajar bahasa dianggap penting dalam memperluaskan tahap penguasaan dan penggunaan bahasa. Keberkesanan penggunaan ICT dapat dilihat dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris. Hal ini kerana sumber bahan-bahan, perisian dan laman web dalam bahasa Inggeris adalah meluas. Oleh yang demikian, timbul persoalan dalam menilai kewajaran penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Satu kajian telah dijalankan pada bulan Mac hingga Jun 2003 ke atas 122 guru pelatih bahasa di empat buah maktab perguruan. Fokus kajian ini adalah untuk mengenal pasti penggunaan ICT dalam kalangan guru pelatih bahasa Melayu. Hasil kajian menunjukkan tahap penggunaan dan pengetahuan ICT dalam kalangan guru pelatih masih rendah. Guru pelatih menghadapi masalah dalam mencari maklumat di Internet dan pengetahuan yang rendah tentang enjin pencarian maklumat (*search engine*) untuk mencari bahan yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Oleh itu, pihak maktab perlu mencari alternatif dalam meningkatkan literasi komputer dalam kalangan guru pelatih.

Abstract: The use of computer has become significant in developing teachers' ideas and creativity in the teaching and learning process. A skillful teacher that uses information technology and communication (ICT) to support the teaching of language is able to enhance the acquisition and use of language. This is because there is a huge development of resources, softwares and websites in English. This raises the question whether ICT can also be used in the process of teaching and learning of the Malay language. A research was conducted among trainee teachers from four teacher-training colleges to examine the attitudes and practices of ICT among Malay language trainee teachers. The findings revealed that the usage and knowledge of ICT among trainee teachers was low. Trainee teachers seem to have problems in searching for information in the Internet. They had very little knowledge on search engines that would lead them to materials related to the teaching and learning of the Malay language. By way of conclusion, this paper urges teacher-training colleges to seek strategies that will increase computer literacy among trainee teachers.

PENGENALAN

Kajian telah membuktikan bahawa adanya hubungan antara perkembangan literasi dalam kalangan guru-guru dengan perkembangan literasi pelajar-pelajar (Ambigapathy 2001: 1). Kemahiran guru adalah faktor penting dalam menentukan pencapaian pelajar. Guru yang mempunyai lebih pengetahuan mengenai literasi dan pembelajaran serta bekerja dalam persekitaran yang membenarkan mereka mengenali para pelajar merupakan elemen-elemen yang amat penting dalam keberkesanan pembelajaran. Ambigapathy dan Shanti (2004: 191) menyatakan bahawa cabaran baru dalam dunia pendidikan dalam era teknologi maklumat (IT) memerlukan penglibatan guru-guru dan aktiviti-aktiviti pembelajaran sepenuhnya yang menjurus ke arah pengajaran dan pembelajaran yang berterusan.

Lantaran itu, penggunaan komputer adalah satu sumber yang penting dalam membantu guru mencapai objektif pedagoginya. Penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran bukan sahaja membantu guru mencapai objektif pedagoginya, malah memberikan peluang kepada pelajar untuk mencuba cara pembelajaran yang baru. Perubahan sikap dan nilai terhadap IT diperlukan oleh guru dalam menghadapi cabaran baru dalam pendidikan (Ambigapathy 2001: 12). Justeru, para pendidik perlu literasi komputer supaya penggunaan komputer dalam pendidikan tidak terjejas. Dalam mencapai objektif tersebut, guru-guru perlu diberi latihan dalam penggunaan teknologi baru untuk diaplikasikan di dalam bilik darjah (Ambigapathy & Suthagar 2003: 190). Dengan perkataan lain, para pendidik mempunyai pengetahuan, kemahiran dan sikap yang sewajarnya terhadap penggunaan komputer.

Boleh dikatakan bahawa tahap pengetahuan dan kemahiran komputer masih di peringkat rendah. Oleh itu, kajian ini adalah sangat penting untuk menentukan tahap pengetahuan dan kemahiran komputer serta sikap para pendidik terhadap komputer dalam merealisasikan aspirasi negara.

KEPENTINGAN KAJIAN

Hasil kajian ini akan membolehkan kita menilai sejauh mana tahap kemahiran komputer serta sikap guru-guru pelatih bahasa terutamanya bahasa Melayu terhadap penggunaan komputer dalam pendidikan. Dapatan kajian ini dijangka dapat memberi gambaran mengenai tahap kemahiran komputer dan sikap guru-guru pelatih bahasa Melayu terhadap penggunaan komputer dalam pendidikan. Oleh itu, para pendidik dan perancang kurikulum dapat menjangka masalah yang bakal timbul dan memikirkan cara untuk mengatasi masalah-masalah dengan membekalkan maklumat tersebut.

Tenaga pengajar di sekolah, khususnya Guru Penolong Kanan, Ketua Mata Pelajaran, Ketua Bidang dan Guru Cemerlang, perlu dilatih dan arif dalam bidang IT, strategi pengajaran dan pembelajaran bestari bagi subjek pengkhususan masing-masing (*Berita Harian* 2002).

Besag dan Levine (1984) berpendapat, tahap asas literasi komputer adalah kebolehan membaca serta menulis dengan menggunakan bahasa sendiri dan dalam definisi yang lebih luas, bukan sahaja setakat boleh membaca tetapi juga boleh menggunakan pengetahuan yang diperoleh daripada komputer dalam kehidupan seharian.

Mc Keown (1986) menyatakan jika seseorang itu celik komputer, dia bukan hanya mempelajari tentang komputer tetapi juga tahu menggunakannya sebagai alat yang memudahkan kerja-kerja lain. Menurut beliau lagi, literasi komputer juga bermaksud mengetahui perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh komputer serta kebolehan seseorang itu mengarah komputer berbuat sesuatu yang dikehendaki.

PERNYATAAN MASALAH

Kini penggunaan komputer menjadi semakin penting berikutan kemajuan pesat pembangunan teknologi di Malaysia. Oleh itu, bagi yang kurang berpengetahuan dalam bidang IT, mereka perlu berusaha untuk mencapai kemajuan tersebut. Jika tindakan segera tidak diambil bagi mengatasi kelemahan tersebut, maka sukar untuk mereka menyelesaikan masalah kehidupan seharian.

Namun demikian, persediaan tersebut perlu merangkumi persediaan mental dan fizikal. Faktor persediaan mental, pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan anggota adalah penting ke arah sesuatu perubahan dalam sesebuah organisasi (Steers & Black 1994). Kajian ini mendapati bahawa persediaan mental dalam kalangan anggota organisasi merangkumi sikap yang positif terhadap agenda perubahan yang dicadangkan di samping memahami tujuan atau sebab-sebab di sebalik perubahan yang akan dilaksanakan.

Gbomita (1997) menyatakan bahawa sikap terhadap komputer adalah satu daripada tiga faktor yang menyumbang kepada penerimaan guru-guru terhadap penggunaan komputer, selain faktor ciri-ciri komputer dan dasar-dasar kritikal yang penting untuk penerimaan penggunaan komputer. Manakala kajian oleh Zulkifli dan Raja Maznah (1994), mendapati bahawa sikap yang positif adalah penting untuk mendorong seseorang bagi mempelajari apa-apa sahaja.

Sikap, kesedaran dan keupayaan aplikasi perisian merupakan cara terbaik untuk menjangka dan meramal komitmen terhadap penggunaan komputer (Kay 1990). Kesedaran tentang sikap guru pelatih terhadap komputer dijelaskan oleh Woodrow (1991: 165) sebagai *"a central criterion in the evaluation of computer courses and in the development of computer based curricular"*.

Sehubungan itu, persoalan-persoalan yang ingin dikaji dalam kajian ini ialah:

1. Apakah tahap literasi komputer para guru pelatih bahasa Melayu di maktab-maktab perguruan yang terpilih?
2. Adakah terdapat hubungan antara latar belakang pendidikan, umur, jantina, bangsa dengan tahap literasi komputer dalam kalangan guru bahasa Melayu?
3. Adakah terdapat hubungan antara tahap atau kekerapan penggunaan komputer dalam kalangan guru pelatih bahasa Melayu dalam tugas harian dengan tahap literasi komputer?

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan memberi maklum balas yang menyeluruh bagi pengkajian tentang sikap guru-guru pelatih bahasa Melayu yang masih samar terhadap penggunaan IT dalam kehidupan seharian mereka. Persoalan yang timbul di sini, mungkinkah masih ada lagi bakal-bakal guru yang "terpinggir" dan tidak tahu menggunakan komputer? Bagaimanakah sikap mereka terhadap literasi komputer ini? Kajian literasi komputer ini bertujuan meninjau dan mendapatkan maklumat tentang sikap dan amalan guru-guru pelatih bahasa Melayu di maktab-maktab perguruan yang terpilih terhadap komputer. Kajian ini juga bertujuan memberi arah dan hala tuju kepada langkah-langkah yang perlu diambil untuk memastikan bahawa mereka menyiapkan diri masing-masing dalam mengharungi zaman IT kini.

Soalan Penyelidikan

Bagi mencapai tujuan kajian ini, beberapa persoalan kajian dikemukakan seperti berikut:

1. Apakah sikap guru-guru pelatih bahasa Melayu di maktab-maktab perguruan di negeri Pulau Pinang, Perak, Kedah dan Seremban terhadap penggunaan komputer?

2. Adakah wujud hubungan yang signifikan antara faktor-faktor pemboleh ubah tersebut dengan sikap terhadap komputer dalam kalangan guru-guru pelatih bahasa berkenaan berdasarkan jantina, etnik, pencapaian akademik dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Cina dan bahasa Tamil, serta latar belakang kawasan tempat tinggal (kawasan bandar atau luar bandar)?

Skop Kajian

Kajian ini bertujuan mengenal pasti sikap dan tahap literasi komputer guru-guru pelatih beropsyen bahasa Melayu di maktab-maktab perguruan yang terletak di Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Seremban.

Sikap dan tahap literasi komputer mereka ditinjau kerana mereka merupakan bakal pendidik dalam era IT kini. Oleh itu, merekalah yang akan menjadi golongan pendidik dalam menentukan kualiti dan perkembangan pendidikan negara sama ada secara langsung atau tidak langsung.

TINJAUAN KAJIAN

Penggunaan IT memainkan peranan penting dalam pengajaran dan pembelajaran. Lantaran itu, pembudayaan IT melalui bahasa Melayu perlu dilaksanakan bagi mencapai kualiti dalam sistem pendidikan.

Ellington, Percival dan Race (1993) menjelaskan bahawa penggunaan komputer dalam pendidikan mempunyai beberapa kekuatan dan kelemahan tersendiri yang mana lebih berasaskan sebagai satu teknik pengajaran dan pembelajaran yang lebih menekankan peranan individu. Ramai penulis menyatakan kekuatan penggunaan komputer dalam pendidikan adalah objektif pembelajarannya yang lebih luas; pembelajarannya yang juga boleh dilakukan sendiri serta mendapat maklum balas segera melalui pendekatan interaktif; dan membolehkan simulasi pengalaman pembelajaran dilakukan secara terus. Manakala kelemahan penggunaan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran pula ialah teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) memerlukan guru-guru celik komputer, atau sekurang-kurangnya berasa senang menggunakan papan kekunci; sukar mendapatkan bahan berasaskan komputer yang sesuai dan tersedia; dan usaha mereka bentuk bahan pembelajaran berasaskan komputer memerlukan kemahiran yang tinggi (Ellington et al. 1993).

Guru dan pelajar mempunyai sikap dan persepsi yang berbeza terhadap penggunaan komputer. Bagi guru, komputer adalah alat yang dapat membantu mereka dalam penyampaian maklumat kepada pelajar dengan lebih berkesan. Zhao, Hueyshan dan Mishra (2000: 162) menyatakan bahawa guru menggunakan

komputer untuk menghasilkan penyampaian yang lebih menarik serta berkesan, menguruskan pelajar mereka dengan cekap, dan memudahkan komunikasi dengan ibu bapa pelajar. Manakala pelajar pula melihat komputer sebagai satu jalan penyelesaian masalah, mencari kawan, menghilangkan kebosanan, dan berhubung dengan sekolah dan keluarga. Hasil daripada itu, pelajar lebih cenderung menggunakan komputer untuk bermain, berbual dengan kawan-kawan lama serta mencari kawan baru, mencipta laman web, mencipta robot, mencari lagu-lagu terkini, dan menghantar gambar kepada datuk serta nenek mereka (Cole 1996; Nardi & O'Day 1999; Resnick & Rusk 1996 dalam Zhao et al. 2000).

Memandangkan penggunaan komputer dalam pendidikan semakin hari semakin popular, ICT mempunyai potensi sebagai alat utama untuk menggalakkan minat setiap individu kepada IT. IT, khususnya penggunaan Internet memiliki potensi untuk dijadikan kaedah utama bagi tujuan pendidikan, penyebaran maklumat dan saluran komunikasi. ICT boleh dijadikan sebagai saluran utama untuk mendapatkan maklumat terkini berbanding saluran lain. Penggunaannya dalam pendidikan dapat membantu pencarian maklumat terkini dan lebih meluas sebagai maklumat tambahan yang diperolehi daripada buku rujukan.


Kajian Definisi Literasi Komputer

Chakrabarty (1979) menjelaskan bahawa literasi komputer membawa maksud mempelajari cara menggunakan sesuatu perisian mikrokomputer dan peranti-perantinya yang dapat menghasilkan sesuatu melalui penggunaan komputer.

Manakala Dologite (1987) pula menyatakan literasi membawa maksud yang agak mudah, iaitu tahap pengetahuan dan kebolehan seseorang itu menggunakan komputer. Pendapat beliau ini hampir sama dengan pendapat Hunter (1987), dalam kajiannya yang mengatakan literasi komputer sebagai kemahiran seseorang individu menggunakan komputer sebagai sebuah alat yang disesuaikan kepada situasi hidup harian yang membolehkannya berfungsi dalam masyarakat yang berasaskan maklumat.

Terdapat perbezaan antara literasi dengan kesedaran komputer. Ngan (1994) menyatakan bahawa kita perlu membezakan antara literasi dengan kesedaran komputer. Literasi komputer umumnya membawa maksud yang lebih luas bukan sahaja konsep dalam kesedaran tetapi juga pengalaman dalam pengawalan dan pengendalian komputer. Manakala kesedaran komputer pula merujuk kepada pengetahuan mengenai cara komputer digunakan dalam masyarakat, kesan kegunaannya terhadap sosial dan ekonomi serta kesannya terhadap kehidupan manusia. Perbezaan antara kedua-duanya ditunjukkan dalam Rajah 1. Menurut Ngan (1994) lagi, secara umum kesedaran komputer berkait rapat dengan

pembelajaran tentang komputer, manakala literasi komputer pula berkait rapat dengan pembelajaran dan penggunaan komputer.



Rajah 1. Perbezaan kandungan kurikulum antara kesedaran dengan literasi komputer

Sumber: Ngan (1994).

Kajian Mengenai Sikap Terhadap Komputer

Beberapa kajian telah dijalankan mengenai sikap terhadap komputer dalam kalangan guru-guru pelatih. Sebagai contoh, Zulkifli dan Raja Maznah (1994) mengkaji sikap terhadap komputer dalam kalangan guru-guru pelatih siswazah. Kajian ini telah meninjau hubungan beberapa pemboleh ubah seperti perbezaan jantina, pengalaman dengan komputer dan sebagainya dengan penggunaan komputer.

Ambigapathy dan Suthagar (2003: 123) membuktikan dalam kajian mereka bahawa guru mempunyai sikap dan persepsi yang positif terhadap penggunaan IT dalam pendidikan, iaitu 76.67 peratus bersetuju bahawa ICT merupakan alat bantu mengajar yang efektif.

Downes (1993) pula menjalankan kajian terhadap guru-guru pelatih dan mendapati bahawa pengalaman dengan komputer dan pengaruh model peranan guru yang menggunakan komputer di dalam bilik darjah membawa sikap positif terhadap penggunaan komputer serta meningkatkan kemungkinan guru-guru berkenaan akan menggunakan komputer di dalam bilik darjah. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa pendedahan awal terhadap penggunaan komputer boleh memberi impak yang positif terhadap pembentukan sikap para guru.

Kenyataan kajian beliau dibuktikan melalui kajian yang telah dijalankan oleh Zulkifli dan Raja Maznah (1994) dalam kalangan guru-guru pelatih siswazah di Universiti Malaya. Mereka mendapati hanya 12.1 peratus daripada sampel yang mengatakan bahawa mereka tidak mempunyai pengalaman dengan komputer, manakala mereka yang mempunyai pengalaman adalah tinggi, iaitu sebanyak 87.9 peratus. Sebanyak 49 peratus daripada mereka yang mempunyai pengalaman dengan komputer mengalaminya semasa pengajian di peringkat Ijazah Pertama atau di bangku sekolah. Mereka merumuskan bahawa guru-guru pelatih yang mempunyai pengalaman dalam komputer semasa di sekolah atau di universiti cenderung untuk lebih mahir daripada mereka yang tidak berpengalaman. Di samping itu, Zulkifli dan Raja Maznah (1994) juga mendapati bahawa mereka yang tidak mempunyai pengalaman dengan komputer kebiasaannya mempunyai sikap yang negatif dan tahap kebimbangan yang tinggi terhadap komputer.

METODOLOGI KAJIAN

Pendahuluan

Kajian ini adalah bersifat kajian tinjauan bagi melihat sikap guru-guru pelatih bahasa Melayu di empat buah maktab perguruan yang terpilih terhadap penggunaan komputer di sekolah, khususnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Tinjauan terhadap sikap ini akan dihubungkan dengan beberapa pemboleh ubah tidak bersandar, iaitu jantina, latar belakang akademik, etnik, pemilikan komputer peribadi dan tahap penguasaan terhadap aplikasi komputer.

Subjek Kajian

Sebanyak 122 borang soal selidik telah diagihkan kepada empat buah maktab perguruan yang terlibat dalam kajian ini. Responden terdiri daripada 122 guru pelatih bahasa Melayu di maktab-maktab perguruan terpilih. Data yang telah diperolehi ini dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis statistik yang terdapat dalam *Statistical Package for Social Sciences (SPSS for MS Windows*

Release 10.0) selari dengan matlamat penyelidikan dan bagi menjawab semua soalan penyelidikan yang telah dinyatakan.

Data mengenai latar belakang responden bagi kajian ini dibahagikan kepada 12 aspek, iaitu subjek yang diajar, jantina, tahap kelulusan akademik, pengalaman mengajar, latihan ikhtisas, tugas yang dijalankan di sekolah, latihan khusus mengenai komputer, latihan aplikasi yang diterima, tugas di sekolah yang berkaitan dengan komputer, pemilikan komputer peribadi, tujuan memiliki komputer dan persepsi responden tentang tahap kecekapan mereka menggunakan komputer. Data mengenai latar belakang responden ini adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1. Latar belakang demografi responden

Latar belakang	Kumpulan	Frekuensi	Peratus
Jantina	Lelaki	64	52.5
	Perempuan	58	47.5
Latihan komputer	Pernah	62	50.8
	Tidak pernah	60	49.2
Tugas berkaitan komputer	Ya	96	78.7
	Tidak	26	21.3
Pemilikan komputer	Memiliki	86	70.5
	Tidak memiliki	36	29.5

N = 122

Latar belakang jantina pula menunjukkan bilangan responden lelaki lebih ramai daripada responden perempuan pada kadar 52.5 peratus atau 64 orang. Manakala seramai 60 orang atau 49.2 peratus daripada keseluruhan responden mengatakan bahawa mereka tidak pernah mengikuti latihan komputer. Seramai 26 orang atau 21.3 peratus responden mengakui mereka tidak menggunakan komputer untuk melaksanakan tugas pengajian.

Dari segi kadar pemilikan komputer dalam kalangan responden pula, dapatan kajian menunjukkan seramai 86 orang atau 70.5 peratus responden memiliki komputer peribadi di rumah.

Instrumen Kajian

Bagi tujuan mendapatkan data tentang sikap terhadap penggunaan komputer, satu set borang soal selidik telah digunakan dalam kajian ini. Borang soal selidik ini dibahagikan kepada lima bahagian, iaitu Bahagian A, B, C, D dan E. Bahagian A

digunakan untuk mengumpul maklumat peribadi, pencapaian akademik, latar belakang tempat tinggal, etnik dan sebagainya. Data yang diperoleh dalam bahagian ini digunakan sebagai pemboleh ubah demografi. Bahagian B pula mengumpul data mengenai penggunaan dan pemilikan komputer. Bahagian C dan D masing-masing mengumpul data mengenai kekerapan penggunaan komputer dan pengetahuan mengenainya dalam pembelajaran dan penyelidikan. Manakala Bahagian E pula digunakan bagi mengumpul data tentang amalan dan sikap terhadap komputer. Skala Likert telah digunakan untuk mengukur sikap guru-guru pelatih berkenaan. Skala Likert terdiri daripada lima skala, iaitu 1 hingga 5 dengan 1 menunjukkan "sangat setuju" dan 5 menunjukkan "sangat tidak setuju" terhadap pernyataan dalam borang soal selidik.

ANALISIS DAPATAN

Bahagian ini membincangkan hasil dapatan kajian yang telah diperoleh setelah semua maklumat daripada borang soal selidik yang telah diedarkan, diproses dan dianalisis. Data tersebut dianalisis secara deskriptif dengan perisian *SPSS for Windows Version 10.0*. Perbincangan tertumpu kepada latar belakang responden, tahap literasi komputer (sikap, pengetahuan dan kemahiran berkomputer), hubungan antara jantina dengan sikap terhadap penggunaan komputer, hubungan antara etniksiti dengan sikap dan amalan penggunaan komputer, dan hubungan antara tahap pencapaian akademik mereka dengan sikap terhadap penggunaan dan amalan penggunaan komputer.

Latar Belakang Responden

Latar belakang responden dalam kajian ini ialah berkaitan dengan taburan responden mengikut jantina, etnik, pengkhususan pengajian, pemilikan komputer di rumah, pernah mempelajari komputer, latar belakang tempat tinggal, pemilikan sijil kemahiran komputer, tahap penggunaan komputer seharian, gred Bahasa Malaysia peringkat SPM dan tahun pengajian di maktab perguruan.

Taburan Responden Mengikut Jantina

Seramai 122 orang guru pelatih di keempat-empat buah maktab yang terpilih telah menjadi responden dalam kajian ini. Mereka terdiri daripada guru pelatih lelaki seramai 64 orang dan guru pelatih perempuan seramai 58 orang. Taburan ini menunjukkan bahawa guru pelatih lelaki lebih ramai daripada guru pelatih perempuan. Taburan responden mengikut jantina adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2. Taburan responden mengikut jantina

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	64	52.5
Perempuan	58	47.5
Jumlah	122	100

Daripada 122 responden yang terlibat dalam kajian ini, 64.8 peratus adalah daripada kumpulan umur antara 21–24 tahun, 18.8 peratus daripadanya berumur antara 18–20 tahun, 9.0 peratus adalah daripada kumpulan umur antara 25–30 tahun dan 7.4 peratus adalah daripada kumpulan umur lebih 30 tahun.

Seramai 113 responden (92.6 peratus) daripada keseluruhan responden yang terlibat dalam kajian ini adalah berbangsa Melayu. Manakala 4 orang responden (3.3 peratus) terdiri daripada guru pelatih berbangsa Cina, 2 orang responden (1.6 peratus) terdiri daripada guru pelatih berbangsa India, dan 3 responden (2.5 peratus) terdiri daripada bangsa-bangsa lain.


Bilangan responden berbangsa Melayu yang berumur dalam lingkungan antara 18–20 tahun adalah seramai 21 orang (17.2 peratus) daripada jumlah keseluruhan, iaitu 113 orang. Sementara, bagi kumpulan umur antara 21–24 tahun seramai 75 orang (61.5 peratus), 25–30 seramai 10 orang (8.2 peratus) dan kumpulan umur yang lebih 30 tahun bilangannya adalah seramai 7 orang (5.7 peratus).

Manakala responden berbangsa Cina adalah seramai 2 orang (1.6 peratus) bagi yang berumur antara 18–20 tahun dan yang berumur dalam lingkungan antara 21–24 tahun seramai 2 orang (1.6 peratus) daripada jumlah 4 orang responden yang mengambil opsiyen Bahasa Malaysia.

Sebanyak 0.8 peratus (1 orang) daripada jumlah responden adalah berbangsa India yang berumur antara 21–24 tahun dan 0.8 peratus (1 orang) daripada kumpulan umur antara 25–30 tahun. Bakinya adalah 2 orang (1.6 peratus) bagi lingkungan umur lebih 30 tahun yang terdiri daripada bangsa-bangsa lain. Hanya 1 orang (0.8 peratus) daripadanya adalah dalam kumpulan umur antara 21–24 tahun.

Pemilikan Komputer di Rumah

Kajian ini mendapati 70.5 peratus daripada responden mengatakan mereka memiliki komputer di rumah dan 29.5 peratus mengatakan mereka tidak memiliki komputer di rumah. Hal ini ditunjukkan dalam Carta 1.



Carta 1. Pemilikan komputer oleh responden di rumah


Bilangan guru pelatih bahasa yang mempunyai akses komputer di rumah mengikut klasifikasi jantina ialah: 37.7 peratus adalah guru pelatih perempuan dan 32.8 peratus adalah guru pelatih lelaki. Guru pelatih lelaki dan perempuan yang tidak mempunyai akses komputer di rumah masing-masing adalah seramai 24 orang (19.7%) dan 12 orang (9.8%) daripada keseluruhan sampel. Hal ini ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3. Bilangan responden yang mempunyai akses komputer di rumah mengikut jantina

Jantina		Mempunyai akses komputer di rumah		Jumlah
		Ya	Tidak	
Lelaki	Bilangan	40	24	64
	Peratus	32.8%	19.7%	52.5%
Perempuan	Bilangan	46	12	58
	Peratus	37.7%	9.8%	47.5%
Jumlah	Bilangan	86	36	122
	Peratus	70.5%	29.5%	100.0%


Pernah Belajar Komputer

Sebanyak 50.8 peratus daripada responden mengatakan mereka pernah belajar komputer sebelum menyertai kursus perguruan. Selain itu, 49.2 peratus daripada mereka mengatakan tidak pernah mengikuti kursus komputer sebelum ini. Keseluruhannya, kebanyakan mereka pernah mengikuti kursus komputer sebelum mengikuti kursus perguruan. Carta 2 menunjukkan taburan responden yang pernah belajar komputer dan pernah menjadi ahli kelab komputer.



Carta 2. Taburan responden yang pernah mengikuti kursus komputer sebelum menyertai program pengajian perguruan

Analisis dapatan terhadap jenis kursus yang pernah diikuti oleh responden menunjukkan bahawa guru pelatih lelaki lebih ramai mengikuti kursus yang tersenarai, iaitu 18.9 peratus sahaja berbanding guru pelatih perempuan sebanyak 31.9 peratus. Analisis ini ditunjukkan dalam Carta 3. Analisis membuktikan bahawa ramai antara mereka tidak mempunyai pengetahuan mengenai komputer sebelum mengikuti pengajian perguruan.



Carta 3. Pemilikan sijil kemahiran komputer

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa tingkat kebolehan dan pandangan positif terhadap penggunaan IT selepas berkursus menunjukkan sebilangan besar boleh menggunakan komputer dengan baik selepas berkursus. Namun begitu, responden yang telah mengikuti kursus memberi respons bahawa kursus komputer yang mereka ikuti adalah atas minat dan inisiatif sendiri.

Sebanyak 78.7 peratus responden menyatakan bahawa penggunaan IT dapat memperkembangkan intelektual dari aspek penilaian dan penyelesaian masalah serta pembelajaran kreativiti. Manakala 20.5 peratus responden memberikan jawapan tidak pasti dan 0.8 peratus tidak bersetuju bahawa penggunaan IT dapat membantu dalam perkembangan intelektual.

Sebanyak 77 peratus responden menunjukkan sikap positif terhadap pernyataan bahawa penggunaan komputer memberikan sumbangan kepada pembelajaran berkesan. Hanya 2.5 peratus responden bersikap negatif dalam hal ini. Sementara 20.5 peratus responden lagi tidak memberi respons terhadap pernyataan ini.

Daripada kalangan responden, 71.3 peratus bersikap positif bahawa penggunaan IT menjadikan pembelajaran lebih bersifat interaktif berbanding cara pembelajaran tradisional. Hanya sebahagian kecil sahaja, iaitu 6.6 peratus daripada kalangan responden yang tidak setuju. Sementara 22.1 peratus lagi bersikap berkecuali.

Begitu juga dengan penggunaan teknologi dapat memberikan tumpuan yang lebih berbanding buku teks. Sebanyak 58.2 peratus responden menyatakan sikap positif terhadapnya. Walau bagaimanapun, 17.2 peratus daripada kalangan responden bersikap negatif terhadap pernyataan tersebut. Manakala 24.6 peratus mengatakan tidak pasti mengenainya.

Sebanyak 83.6 peratus daripada guru pelatih menyatakan sikap positif terhadap IT dalam meningkatkan keinginan untuk mencari maklumat dengan lebih mendalam. Manakala 14.8 peratus menyatakan tidak setuju dengan pernyataan tersebut dan selebihnya 1.6 peratus menyatakan tidak pasti.

Secara keseluruhannya, analisis dapatan terhadap kesemua pernyataan yang terkandung di dalam subskala tingkah laku ini menunjukkan sikap positif yang amat ketara dalam kalangan responden. Kajian ini juga mendapati bahawa lebih 50 peratus responden berpandangan positif terhadap IT bagi setiap subskala tingkah laku yang dinyatakan. Ini menunjukkan majoriti responden mempunyai paradigma yang positif ke arah perubahan terhadap penggunaan teknologi moden bagi meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran.

KESIMPULAN

IT menyediakan peluang kepada golongan guru untuk mempelajari sesuatu perkara dan kaedah baru dalam proses pembelajaran serta pengajaran. Tambahan pula, ICT dapat mendedahkan mereka ini dengan cabaran-cabaran baru dalam dunia pendidikan hasil daripada penggunaan IT.

Pendedahan kepada latihan komputer dan pemilikan komputer peribadi yang sederhana dalam kalangan responden dalam kajian ini mungkin mempengaruhi pandangan responden terhadap penggunaan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatan bahawa hanya 39.3 peratus daripada kalangan responden dalam kajian ini yang menjalankan tugas-tugas berkaitan bahasa dengan komputer dan 60 peratus mengatakan tidak menggunakan IT untuk tujuan pembelajaran bahasa. Dapatan ini bukan menggambarkan situasi sebenar terhadap penggunaan komputer yang masih rendah di maktab-maktab perguruan yang terlibat dalam kajian ini secara umumnya. Mungkin beberapa faktor boleh dikaitkan dengan situasi ini seperti kemudahan komputer yang masih kurang di sesetengah maktab perguruan dan pemilikan komputer di rumah.

Berdasarkan dapatan analisis kajian yang telah dibincangkan, beberapa cadangan dikemukakan dengan harapan ICT akan dapat memberi sumbangan ke arah peningkatan sikap positif terhadap penggunaan komputer dalam kalangan pendidik khususnya. Di samping itu, mungkin akan memberi kesan positif terhadap penggunaan komputer dalam dunia pendidikan secara umumnya.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa aspek pengetahuan dan kemahiran penggunaan komputer merupakan faktor penting ke arah pembentukan sikap positif terhadap komputer yang masih kurang dalam kalangan responden dalam kajian ini. Oleh yang demikian, disarankan agar usaha untuk mempertingkatkan pengetahuan dalam kalangan pendidik diperluaskan melalui kursus dan latihan yang berkesan.

Pada masa yang sama, prasarana dan kemudahan di maktab-maktab perguruan hendaklah dipantau bagi membolehkan penggunaan komputer secara meluas dalam kalangan guru-guru pelatih di maktab perguruan berkenaan.

PENGHARGAAN

Penulis menghargai geran penyelidikan yang telah diberikan oleh Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang dan sehubungan dengan itu, artikel ini diterbitkan.

RUJUKAN

- Ambigapathy, P. (2001). Technology and English literacy in the Malaysia classroom. Di dalam Ambigapathy, P. (ed.). *Technologies of learning: learning through and about the new information technologies*. Australia: Common Ground Publishing.
- _____. (2002). Literacy and learning: a study of teacher literacy in vernacular Tamil primary schools. Di dalam Kalantzis, M., Varnava-Skoura, G. dan Cope, B. (ed.). *Learning for the future: new world, new literacies, new learning, new people*. Australia: Common Ground Publishing.
- Ambigapathy, P. dan Suthagar, N. (2003). Literasi teknologi komputer: persepsi dan penggunaan di kalangan guru. Di dalam Pandian, A. (ed.). *Bahasa dan literasi: penyelidikan dan peninjauan untuk pendidikan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- _____. (2003). Teacher perceptions and use of computer technology in education. Di dalam Ambigapathy, P., Gitu, C. dan Salasih Che Lah (ed.). *English language teaching and literacy: research and reflections*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Ambigapathy, P. dan Shanti, B. B. (2004). Technological literacy for adults: insights from Malaysia. Di dalam Kell, P., Shore, S. dan Singh, M. (ed.). *Adult education 21st century*. New York: Peter Lang.
- Berita Harian*. (7 Mei 2002). Kaji semula latihan guru sekolah bestari.
- Besag, F. P. dan Levine, L. P. (1984). *Computer literacy for teacher*. California: Dage Publication.
- Chakrabarty, P. K. (1979). *Effective use of computer by mathematic and science teacher in conference on education computing: emerging trends and implication*. Kuala Lumpur: Malaysian Council for Computer in Education, 185–190.
- Dologite, O. G. (1987). Measuring computer literacy. *Journal of Education Technology System*, 16 (1): 29–43.
- Downes, T. (1993). Student-teachers' experiences in using computers during teaching practice. *Computer Assisted Learning*, 9: 17–33.

- Ellington, H., Percival, F. dan Race, P. (1993). *Handbook of educational technology*. London: Kogan Page Limited.
- Gbomita, V. K. A. (1997). The adoption of microcomputers for instruction: implications for emerging instructional media implementation. *British Journal of Educational Technology*, 28 (2): 87–101.
- Hunter, B. (1987). *My student use computer: curriculum plan for grade-8*. New York: Reston Publishing.
- Kay, R. H. (1990). Predicting student teacher commitment to use the computers. *Journal of Educational Computing Research*, 6 (3): 299–309.
- Luehrman, A. (1986). *Computer literacy*. New York: McGraw-Hill Book Company.
- Mc Keown, P. G. (1986). *Living with computer*. USA: Harcourt Brace Jovanovich Publisher.
- Ngan Cheng Hwa. (1994). Kepentingan literasi komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran masa kini. *Tekokrat-Jurnal Akademik MPIK*, 12.
- Steers, R. M. dan Black, J. S. (1994). *Organizational behavior*. New York: Harper Collins College Publishers.
- Woodrow, J. (1991). A comparison of four computer attitude scales. *Journal of Educational Computing Research*, 7: 165–187.
- Zhao, Y., Hueyshan, T. S. dan Mishra, P. (2000). Teaching and learning: whose computer is it? Di dalam Bruce, B. C. (ed.). *Literacy in the information age: inquiries into meaning making with new technologies*. Delaware: International Reading Association.
- Zulkifli Abdul Manaf dan Raja Maznah Raja Hussain. (1994). Attitudes, knowledge and previous computer experience of teacher trainees in the Diploma of Education Programme at the University of Malaya. *Journal of Educational Research*, 16: 1–19.